

3

**BAB DUA**

**LATAR BELAKANG PENGARANG**  
**TAJ AL-SALATIN DAN**  
**PENGARANG BUSTAN AL-**  
**SALATIN**

4

## A. PENDAHULUAN.

:

Pengarang *Taj al-Salatin* ialah Bukhari al-Jauhari dan pengarang *Bustan al-Salatin* ialah Syeikh Nuruddin al-Raniri. Oleh kerana kitab *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* sangat masyhur maka pengarang-pengarangnya juga menjadi masyhur sehingga ramai penyelidik membincangkannya. Bab ini merupakan satu paparan khas tentang hal-hal yang berkaitan dengan kedua-dua pengarang ini. Perbincangannya merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan asal-usul, kelahiran, kematian, pendidikan dan karya-karya yang dihasilkan oleh mereka.

## B. BUKHARI AL-JAUHARI

### i. Pengenalan.

Bukhari al-Jauhari adalah seorang pengarang Melayu yang masyhur dengan kitabnya yang bertajuk *Taj al-Salatin*. Meskipun kemasyhurannya tidak setanding dengan Syeikh Nuruddin al-Raniri, Hamzah Fansuri, Samsuddin al-Sumatrani dan Abdul Rauf Singkel yang sering disebut-sebut oleh pengkaji sastera dan pengkaji Islam di Nusantara, namun sumbangan beliau sangat besar melalui kitabnya *Taj al-*

*Salatin*. Tidak banyak yang dapat diketahui tentang Bukhari al-Jauhari. Para pengkaji masih belum menemui latar belakangnya yang jelas dan tepat. Tempat lahir, tarikh lahir, pendidikan, keilmuan dan lain-lain tidak dapat diketahui.

Para pengkaji telah memberikan beberapa pandangan tentang Bukhari al-Jauhari. Werndley<sup>1</sup> menyebut dari Johor. Begitu juga dengan Roorda van Eysingga yang telah menyunting *Taj al-Salatin* dengan terjemahan dalam bahasa Belanda mengatakan Bukhari dari Johor. De Hollander dalam bukunya tentang kesusastraan Melayu memberi pendapat yang sama. Prof. Dr. V. Ronkel menyokong kenyataan pengarang ini berasal dari Johor dengan mengatakan huruf-huruf j-w-h-r-y (jawi)<sup>2</sup> yang terdapat dalam kitab ini mempunyai kaitan dengan nama pengarangnya. Kalau ejaan ini dibaca dengan *Johori* maka ayatnya tidak mengandungi makna, oleh itu ia mesti dibaca oleh Jauhari. Pendapat

<sup>1</sup> Beliau ialah seorang pendita dalam kompeni Hindia Belanda pada tahun 1736. Beliau telah menerbitkan buku nahu Melayu dan di bahagian belakang bukunya tercatat buku-buku Melayu yang terkenal di waktu itu. *Taj al-Salatin* terletak di nombor 4 dalam senarai itu selepas *Bustan al-Salatin*. (T. Iskandar, "Bukhari al-Jauhari Dan Tajus Salatin", Dewan Bahasa Mac 1965 jilid ix bil. 3, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 108.

<sup>2</sup> Penulis berpendapat maksud huruf j-w-h-r-y (jawi) ialah huruf ج

beliau ini tidak benar kerana jika dibaca dengan *Johori* ia akan memberi makna orang Johor mengikut kaedah bahasa Arab. Sebagaimana orang Merbau disebut *Marbawi* atau orang Fansur disebut *Fansuri*.

Kemudian Prof. Dr. V. Ronkel membandingkan nama Bukhari dengan nama seorang pengarang Parsi yang bergelar Bukhari al-Jauhari yang hidup beberapa abad sebelum itu. Winstedt juga mempunyai pandangan yang sama tentang hal ini. C. Hooykas pula ragu-ragu dan tidak menerima dengan jelas antara memberi erti jauhari sebagai saudagar permata atau dari Johor.<sup>3</sup> Zubir Usman mengatakan Bukhari berasal dari Johor kemudian tinggal di Aceh di zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda. Ada pula yang mengatakan Bukhari adalah saudagar permata yang berasal dari Bukhara.<sup>4</sup>

Oleh itu lebih ramai pengkaji yang mengatakan Bukhari berasal dari Johor. Perkataan al-Jauhari di hujung nama beliau boleh dijadikan hujah yang beliau orang Johor.

---

<sup>3</sup> T. Iskandar, op. cit., hlm. 108. Lihat juga C. Hooykas, Perintis Sastera, terjemahan oleh Raihoel Amar Gelar, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1965, hlm. 155.

## ii. Pendidikan.

Pendidikan dan keilmuan Bukhari al-Jauhari boleh ditinjau dari hasil tulisan beliau iaitu *Taj al-Salatin*. Kitab ini menggambarkan beliau mempunyai ilmu yang tinggi. Isi kandungan bukunya diatur dengan jelas dan tertib. Mukaddimahnya berupa pujian-pujian ke hadrat Allah, RasulNya dan para sahabat baginda. Diikuti dengan fasal kedua yang menceritakan hakikat manusia dan dari sini terus dikembangkan sedikit demi sedikit hakikat kekuasaan, syarat-syarat pemerintahan dan perkara-perkara yang penting yang mestilah ada dalam sesebuah pemerintahan.

Beliau terpengaruh dengan semangat sufi yang mempunyai pengaruh yang kuat di zamannya.<sup>4</sup> 3 fasal yang pertama dalam kitab ini memperlihatkan falsafah tasawwuf yang tinggi. Hakikat kejadian manusia dan kedudukan manusia sebagai hamba Allah di muka bumi ini terkandung dalam fasal-fasal tersebut.

Merujuk kepada naskhah transliterasi oleh Khalid Hussain yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, jelas bahawa Bukhari al-

---

<sup>4</sup> Zubir Usman, Kesusasteraan Lama Indonesia, Jakarta: Gunung Agung, 1963, hlm. 155.

Jauhari seorang yang banyak membaca kitab-kitab yang berkaitan dengan agama. Jumlah kitab yang disebut dalam *Taj al-Salatin* tidak kurang dari 51 buah kitab. Hal ini menggambarkan ketinggian ilmunya di bidang ketatanegaraan Islam.

Dari *Taj al-Salatin* dapat diketahui beliau mungkin fasih berbahasa Parsi atau sekurang-kurangnya memahaminya dengan baik. Sebagaimana yang dikatakan dalam *Taj al-Salatin* juga terdapat ungkapan Parsi.<sup>5</sup> Beliau juga banyak merujuk kepada kitab-kitab Parsi. Misalnya *Akhlaq al-Muhsinin* karangan Husain bin Ali Alwais al-Kasyifi, *Tanbih al-Ghafilin*

<sup>5</sup> *Taj al-Salatin*, cod. or. 3053, Perpustakaan Universiti Leiden, hlm. 158.

Berikut ini ialah ungkapan Parsi yang terdapat dalam teks manuskrip ini:

هي كدينام قرينة سردبنادح دمهاندھر كدينان لبيحان درماند

Ertinya: Barang siapa akan nama tiada dapat ia ruwwah (روة) dan barang siapa berbuat khianat ruwwah binasa adanya itu.

Penulis tidak dapat mencari maksud yang tepat perkataan *ruwwah* (روة) yang terdapat dalam petikan teks ini. Mungkin ia berasal dari perkatan Arab *Rawwa* (روى) yang ertinya memikirkan dan meneliti akibat sesuatu perbuatan atau tindakan. (al-Marbawi, Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, *Kamus al-Marbawi*, Mustafa al-Babiy wa al-Halbiy wa Auladuhu, Mesir: hlm. 258).

karangan Sirajuddin Ali Khan dan lain-lain. Dengan rujukan yang banyak di dalam bahasa Parsi, pastinya Bukhari berkebolehan dalam bahasa ini.<sup>6</sup>

### iii. Karya-karya.

*Taj al-Salatin* merupakan satu-satunya karya yang dihasilkan oleh Bukhari al-Jauhari. Karya ini sangat masyhur. Isi kandungannya menumpukan kepada perbincangan ketatanegaraan menurut pandangan Islam. Walau pun perbincangan ketatanegaraan merupakan topik yang sangat luas namun beliau berjaya menyusun kitabnya itu dengan baik dan ringkas sehingga mudah difahami oleh pembacanya.

## C. PENGARANG BUSTAN AL-SALATIN : SYEIKH NURUDDIN AL-RANIRI.

### i. Pengenalan.

Syeikh Nuruddin al-Raniri adalah seorang ahli sufi dan tokoh agama Islam yang masyhur di alam Melayu. Nama sebenar beliau sebagaimana yang tercatat dalam karyanya yang bertajuk *Bustan al-*

---

<sup>6</sup> T. Iskandar, "Bukhari al-Jauhari Dan Tajus Salatin," Dewan Bahasa, Mac 1965, DBP: Kuala Lumpur, hlm. 113.

*Salatin* ialah Syeikh Nuruddin bin ‘Ali Hasanji bin Muhammad Hamid.<sup>7</sup> Syed Muhammad Naquib yang merujuk kepada sumber yang sama menulis nama beliau sebagai Nur al-Din Muhammad bin Ali bin Hasanji bin Muhammad.<sup>8</sup> Nama yang tercatat dalam karyanya yang bertajuk *Ma’al al-Hayat Li Ahli Mamat* (ماء الحياة لأهل الممات)<sup>9</sup> adalah sama dengan yang disebut oleh Syed Muhammad Naquib. Pengkaji lain seperti Ahmad Daudy dan Mahayuddin Haji Yahya juga telah menulis nama Syeikh Nuruddin sebagaimana yang ditulis oleh Syed Muhammad Naquib. Oleh itu nama yang ditulis oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas mempunyai hujahnya lebih kukuh. Malah pengkaji lain seperti Ahmad Daudy juga menulis nama itu sepertinya.

Syeikh Nuruddin berdarah campuran. Ibunya berbangsa Melayu dan bapanya berasal dari kota Ranir, Gujerat. Zubir Usman mengatakan kedua-dua orang tuanya pernah menetap lama di Sumatera atau di salah satu tempat lain di Indonesia atau di Semenjung Tanah Melayu. Syeikh

<sup>7</sup> **Bustan al-Salatin**, manuskrip 41, Kuala Lumpur: Perpustakaan Utama Universiti Malaya, hlm. 4.

<sup>8</sup> Al-Attas, Syed Muhammad Naqib, **A Commentary Of Hujjatul Siddiq Of Nuruddin**, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, 1986, hlm. 3.

<sup>9</sup> Ahmad Daudy, **Syeikh Nuruddin al-Raniry: Sejarah , Karya dan Sanggahannya Terhadap Wujudiyah Di Aceh**, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1978, hlm. 10.

Nuruddin pula dibesarkan dan belajar di luar negara.<sup>10</sup> Pendapat lain mengatakan ayah Syeikh Nuruddin berasal dari Hadramaut.<sup>11</sup> Keluarganya berketurunan Quraisy<sup>12</sup> dari Banu Humaid di Hadramaut.<sup>13</sup>

Syeikh Nuruddin menyebut negara asalnya ialah Ranir<sup>14</sup> sebuah bandar yang terletak tidak jauh dari Surat di Gujerat, India.<sup>15</sup> Ada pula mengatakan beliau adalah seorang penulis yang berasal dari sebuah tempat bernama Ranir di Aceh.<sup>16</sup> Oleh itu beliau adalah seorang penulis Aceh asli.

Penulis berpendapat pendapat pertama adalah lebih kukuh. Ini kerana Syeikh Nuruddin dalam *Bustan al-Salatin* mengatakan;

<sup>10</sup> Zubir Usman, Kesusasteraan Lama Indonesia, Jakarta: Gunung Agung, 1963, hlm. 113.

<sup>11</sup> Abdul Rahman al-Ahmadi, Pengantar Sastera, Kelantan: Pustaka Aman Press, 1966, hlm. 144.

<sup>12</sup> Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, A Commentary Of Hujjatul Siddiq Of Nuruddin, hlm. 3.

<sup>13</sup> Mahayuddin Haji Yahya, Ensiklopedia Sejarah Islam, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, jil. IV, hlm. 147.

<sup>14</sup> Bustan al-Salatin, manuskrip 41, hlm. 3.

<sup>15</sup> Mahayuddin Haji Yahya, op. cit., jil. IV, hlm. 148. Lihat juga T. Iskandar, "Al-Raniri: Pengarang Abad ke 17M", Dewan Bahasa Oktober 1964, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 437. Muhammad Yusoff Hashim, Pensejarahan Melayu Nusantara, Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd., 1990, hlm. 245.

Kemudian dari itu datang pula seorang pendita dari benua Gujerat bernama Syeikh Muhammad Jailani ibn Hasan ibn Muhammad, Hamid nama kaumnya, Quraisy bangsanya, Ranir negerinya, Shafei mazhabnya....<sup>17</sup>

Petikan ini menjelaskan Ranir adalah tempat yang terletak di Gujerat, India. Syeikh Muhammad Jailani yang disebut dalam petikan ini pula adalah ahli keluarga terdekat dengan beliau. Oleh itu pendapat yang mengatakan beliau berasal dari Ranir, Gujerat adalah lebih kukuh. Kalau pun ada tempat yang bernama Ranir di Aceh, kenyataan ini tidak mempunyai bukti sokongan yang lain.

Bakar Hatta pula berpendapat Syeikh Nuruddin berasal dari Semenanjung Tanah Arab tetapi telah lama menetap di Ranir, Gujerat. Beliau berhujah dengan nama Syeikh Nuruddin yang ditulisnya sebagai Nuruddin Muhammad Jailani bin Ali bin Hasanji bin Muhammad Hamid al-Raniri al-Gujerati al-Quraisy.<sup>18</sup>

<sup>16</sup> Jihat Abadi, Azran Rahman & Anida Abdul Rahman, Sari Sejarah Kesusastraan Malaysia-Indonesia (Tradisi-Moden), Kuala Lumpur: Penerbit Adabi, 1979, hlm. 46.

<sup>17</sup> Bustan al-Salatin, manuskrip 41, hlm. 285.

<sup>18</sup> Bakar Hatta, Sastera Nusantara: Satu Pengantar Studi Sastera Melayu, Jakarta: Ghalia Indonesia, 1984, hlm. 63.

Meskipun telah menjadi kebiasaan bangsa Arab untuk menisbahkan nama mereka dengan suku kaum atau salasilah mereka, namun kenyataan ini tidak boleh menjadi hujah yang kukuh untuk mengatakan seseorang itu berasal dari Semenanjung Tanah Arab. Misalnya masih ramai lagi orang Melayu yang mempunyai nama yang dinisbahkan suku keturunan Arab seperti al-Bar, al-Junaid, al-Habsyi dan lain-lain. Namun mereka berasal dari Malaysia. Cuma mereka berketurunan Arab.

Tambahan pula terdapat perkataan al-Gujerati pada nama yang ditulis oleh Bakar Hatta. Maksud al-Gujerati adalah nisbah kepada sebuah tempat bernama Gujerat dan ia terletak di India. Oleh itu adalah lebih tepat untuk mengatakan Syeikh Nuruddin berasal dari Ranir, Gujerat dan berketurunan Arab.

Syeikh Nuruddin mempunyai ikatan keluarga dengan seorang ulama yang pernah datang ke Aceh iaitu Syeikh Muhammad Jailani bin Hassan bin Muhammad yang disebut dalam *Bustan al-Salatin* sebagaimana yang telah disebutkan terlebih dahulu.

Wan Muhammad Saghir mengatakan Syeikh Nuruddin adalah cucu kepada ulama yang bernama Syeikh Muhammad Jailani. Kenyataan ini berdasarkan kepada nama ulama tersebut yang ditulisnya sebagai Muhammad Jailani bin Muhammad.<sup>19</sup> Muhammad Yusoff Hashim pula mengatakan anak saudara kepada ulama ini<sup>20</sup> dan begitu juga T. Iskandar. T. Iskandar menyebut nama ulama tersebut sebagai Muhammad Jailani bin Hassan bin Muhammad Hamid al-Raniri.<sup>21</sup> Pendapat kedua ini lebih kukuh kerana berdasarkan nama sebenar Syeikh Nuruddin dan nama ulama tersebut. Justeru itu dapat dikatakan bahawa Syeikh Nuruddin mempunyai latar belakang keluarga yang berilmu dan berpegang teguh dengan agama Islam. Pastinya Syeikh Nuruddin dipengaruhi oleh suasana ini dan terbentuklah jiwa yang cintakan ilmu dan kebenaran.

Tarikh lahir Syeikh Nuruddin tidak diketahui. Sehingga kini belum ada pengkaji yang menemui catatan atau bukti yang menjelaskan tentang tarikh lahirnya. Pada tahun 1654 beliau telah meninggalkan Aceh dengan

<sup>19</sup> Wan Muhammad Saghir, Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara, jil. 2, Kuala Lumpur: Khazanah Fatiyyah, 1991, hlm. 124.

<sup>20</sup> Muhammad Yusoff Hashim, Pensejarahan Melayu Nusantara, hlm. 245.

<sup>21</sup> T. Iskandar, "Hamzah Fansuri: Pengarang, Penyaer, Ahli Tasawwuf Abad ke 17M", Dewan Bahasa, Februari 1965, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 53.

tergesa-gesa dan kembali ke India. Pada hari Sabtu tanggal 22 Zulhijjah 1068H bersamaan 21 September 1658, beliau telah meninggal dunia di India.<sup>22</sup> Menurut H.M Zainuddin beliau telah terbunuh dalam huru-hara akibat perselisihan pendapat di kalangan Aceh tentang perlantikan perlantikan Ratu Tajul 'Alam Safiatuddin menjadi ratu di Aceh. Kebanyakan ulama menentang perlantikan itu.<sup>23</sup> Ada juga pendapat yang mengatakan beliau kembali ke India setelah tewas dalam perdebatan dengan Saifurrijal, seorang ulama *wujudiyah* yang baru kembali ke Aceh dari India.<sup>24</sup>

## ii. Pendidikan.

Tidak banyak yang diketahui tentang latar belakang pendidikan Syeikh Nuruddin, meskipun beliau seorang ulama yang terkenal dan banyak menulis dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan. Pendidikan awal Syeikh Nuruddin bermula di tempat asalnya iaitu Ranir. Beliau

<sup>22</sup> Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, A Commentary Of Huqiatul Siddiq Of Nuruddin, hlm. 12. Lihat juga Abdul Rahman al-Ahmadi, op. cit., hlm. 148.

<sup>23</sup> Dada Meuraxa, Sejarah Masuknya Islam Ke Barus Sumatera Utara, 1973, Medan: Penerbitan Sasterawan, hlm. 56.

<sup>24</sup> Saifurrijal berasal dari Minangkabau. Murid kepada Shamsuddin al-Sumatrani. (Ahmad Daudy, Allah Dan Manusia Dalam

melanjutkan pelajaran ke Tanah Arab. Di antara tempat yang dikunjungi oleh beliau semasa di sana ialah Hadramaut, Mekah dan Madinah. Sewaktu di Hadramaut, beliau telah menuntut dengan seorang ulama yang bernama Abu Hafs ‘Umar bin Abdullah Ba Syaiban yang berasal dari Tarim.<sup>25</sup>

Ulama tersebut ialah *syeikh*<sup>26</sup> tarekat *Rifa’iyyah*.<sup>27</sup> Melalui guru ini beliau telah masuk ke dalam kumpulan tarekat tersebut dan menjadi pengamalnya. Gelaran *syeikh* pada namanya didapati dari hasil penglibatan beliau dalam tarekat tersebut. Pada tahun 1030H (1621M), beliau menunaikan fardhu haji dan telah menziarahi makam Nabi Muhammad s.a.w di Madinah. Sewaktu berada di Tanah Arab, beliau berpeluang untuk mendalami pengetahuan bahasa Melayu. Setelah itu

**Konsepsi Syeikh Nuruddin al-Raniry**, Jakarta: Penerbit CV. Rajawali, 1983, hlm. 45-46.

<sup>25</sup> Mahayuddin Haji Yahya, *op. cit.*, jil. IV, hlm. 148.

<sup>26</sup> Makna asal perkataan *syeikh* (شيخ) ialah orang yang telah lanjut usianya. Perkataan ini juga biasa digunakan sebagai gelaran bagi ulama dan orang-orang salih untuk menghormati dan memuliakan mereka. (Syeikh Ahmad Reda, *Mu’jam al-Lughah*, jil. 3, Beirut; Dar Maktabah al-Hayat, hlm. 392).

<sup>27</sup> Tarekat ini diasaskan oleh Ahmad bin ‘Ali al-‘Abbas. Beliau dilahirkan pada bulan Muhaarram 500H bersamaan September 1106M dan menurut pendapat lain pula Rejab 578H dan meninggal dunia pada 22 Jamadil Awwal 578H bersamaan 1183M. Tarekat ini terkenal di Indonesia. Di Aceh tarekat ini terkenal dengan Rapai. (Aboebakar Atjeh, *Pengantar Dalam Tarekat: Uraian Tentang Mistik*, Jakarta: F.A.H.M Tomi & Son BAG. Penerbitan, 1966, hlm. 343-345).

kembali ke Ranir, yang di waktu itu telah menjadi sebuah bandar yang mundur kerana perdagangan di situ telah mendapat saingan hebat dari orang-orang Portugis.<sup>28</sup>

Syeikh Nuruddin telah mempelajari Bahasa Melayu sebelum datang ke Asia Tenggara. Bahasa Melayu telah menjadi *lingua-franca* di Asia Tenggara dan Asia Timur pada masa itu.<sup>29</sup> T. Iskandar telah meletakkan kemungkinan yang Syeikh Nuruddin telah mempelajari bahasa Melayu sejak di Ranir lagi dan memperdalaminya sewaktu di Tanah Arab melalui orang-orang Melayu yang berada di sana.<sup>30</sup>

Syeikh Nuruddin mempunyai ilmu pengetahuan yang luas merangkumi berbagai bidang. Ahmad Daudy mengatakan beliau adalah seorang sarjana yang banyak membaca. Hakikat ini terlihat dalam hasil karyanya yang sering mencatatkan sejumlah kitab-kitab yang dijadikan sumber maklumat dan rujukan untuk menghuraikan sesuatu.<sup>31</sup>

<sup>28</sup> Liaw Yock Fong, Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik, jil. 2, Jakarta: Penerbitan Erlangga, 1993, hlm. 49.

<sup>29</sup> Mahayuddin Haji Yahya, op. cit., jil. IV, hlm. 110.

<sup>30</sup> T. Iskandar, “al-Raniri: Pengarang Abad ke 17”, Dewan Bahasa, - Oktober 1964, hlm. 437.

Dikatakan juga beliau telah menguasai berbagai bahasa iaitu bahasa Aceh, Melayu, Arab, Parsi dan Urdu. Namun begitu seorang pengkaji dari Indonesia yang bernama Tudjimah telah menulis dalam disertasinya pada tahun 1965<sup>32</sup> mengatakan penguasaan Syeikh Nuruddin dalam bahasa Arab tidak begitu baik. Kenyataan ini didasarkan kepada penyelidikan terhadap naskhah kitab *Asrar al-Insan fi Ma'rifati al-Ruh wa al-Rahman*( اسرار الانسان في معرفة الروح والرحمن ) yang memperlihatkan banyak kesalahan harakah. Ahmad Daudy telah menyangkal dakwaan ini. Hujahnya ialah kesalahan ini berasal dari penyalin kitab tersebut dan bukan dari Syeikh Nuruddin sendiri. Tambahan pula Tudjimah membuat dakwaan hanya berdasarkan satu naskhah salinan sahaja dan bukan kitab yang asli ditulis oleh Syeikh Nuruddin. Syeikh Nuruddin adalah seorang ulama yang paling banyak menulis dalam berbagai bidang ilmu berbanding dengan ulama yang lain sezaman dengannya. Beliau menulis kitab-kitab itu dalam satu tempoh masa yang relatif singkat dan ternyata beliau menguasai bahasa Arab dengan baik.<sup>33</sup>

<sup>31</sup> Ahmad Daudy, Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin al-Raniry, hlm. 47-48.

<sup>32</sup> Ibid, hlm. 48.

<sup>33</sup> Ibid, hlm. 58-60.

Dalam pada itu beliau tidak terlepas dari melakukan kesilapan, apatah lagi beliau; hidup di zaman kemunduran dan kemerosotan intelektual dalam pemikiran agama. Beliau masih cenderung dengan ajaran-ajaran mistik yang mengongkong pemikirannya dan menyebabkan ia tidak kritis dalam menilai sesuatu pendapat. Beliau melakukan kesilapan dalam menilai hadis-hadis. Banyak hadis-hadis palsu yang ditemui dalam kitab-kitab yang terdahulu dan pendapat yang tidak rasional telah dijadikan dalil. Ini semua tercetus dari doktrin mistik yang dipegang dan diamalkannya.<sup>34</sup> Oleh itu boleh dikatakan juga beliau bukan seorang ahli hadis.

Dalam bidang fiqh, Syeikh Nuruddin berpegang kepada mazhab Shafie dan dalam bidang aqidah beliau berpegang kepada mazhab *Asy'ariyyah*. Aspek kerohanian pula beliau merujuk kepada aliran *al-Aidarus*.<sup>35</sup> Perkara ini disebut dalam karyanya *Jawahir al-'Ulum fi Kasyf*

<sup>34</sup>**Ibid.**<sup>35</sup>

*al-Aidarus* adalah nama satu tarekat yang termasyhur di kalangan Ba al-'Alawi. Banyak buku-buku tasawwuf menyatakan *al-Aidarus* adalah nama seorang ahli sufi yang masyhur dan nama salah satu suku Arab Selatan yang masyhur dan mempunyai ramai tokoh-tokoh sufi. Dalam Bait al-Siddiq ( بيت الصديق ) - Mesir, 1332) yang ditulis oleh S. Muhammad Taufiq al-Bakri menyebutkan tarekat ini didirikan oleh S. Abu Bakr al-Aidarus, Raja 'Adn yang meninggal dunia pada tahun 814H. (Aboebakar Atjeh, op. cit, hlm. 346-347).

*al-Ma'lum* ( جواهر العلوم في كشف المعلوم ).

Tambahan pula gurunya yang bernama Abu Hafs ‘Umar bin Abdullah Ba Syaiban adalah murid kepada Sayyid Muhammad al-Aidarus.<sup>36</sup>

Berdasarkan kepada hasil karyanya yang banyak dan mencakupi berbagai ilmu pengetahuan, secara logiknya beliau telah menuntut dengan ramai guru. Namun tiada pengkaji yang dapat menjelaki nama guru-guru tersebut dan proses pembelajaran Syeikh Nuruddin secara mendalam.

### iii. Pendiriannya Terhadap Wujudiyyah.

Ajaran *wijudiyyah*<sup>37</sup> telah bertapak kuat di Aceh hasil dari usaha yang dilakukan oleh Hamzah Fansuri<sup>38</sup> dan Samsuddin al-Sumatrani.<sup>39</sup>

<sup>36</sup> Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, A Commentary Of Hujjatul Siddiq Of Nuruddin, hlm. 13-14.

<sup>37</sup> *Wujudiyyah* berasal dari *wahdatul wujud* ( وحدة الوجود ) yang ertiya kesatuan wujud. Dalam bahasa Inggeris disebut *pantiesm*. Falsafah mistik ini diasaskan oleh Ibn ‘Arabi. Nama sebenar Ibn ‘Arabi ialah Abu Bakr Muhammad bin ‘Ali. Dilahirkan pada 17 Ramadan 560H bersamaan 28 Julai 1165M di Mercia, Sepanyol. Beliau sangat aktif menulis. Hasil karyanya lebih dari 200 judul. (Mahayuddin Haji Yahya, op. cit., jil. 2 hlm. 457). Mengikut falsafah mistik ini kewujudan makhluk adalah bergantung kepada wujud Allah Ta’ala yang bersifat wajib wujud. Sifat wujud pada makhluk adalah bayangan semata-mata. Pada hakikatnya yang wujud hanyalah Allah. (Hassan Shadily, Ensiklopedia Indonesia,

Syeikh Nuruddin telah berusaha menghapuskan ajaran ini. Sanggahan terhadap wujudiyyah dan pengamalnya di Aceh adalah di antara perkara yang perkara yang penting untuk dibincangkan apabila memperkatakan tentang beliau. Penentangan ini bukan sahaja berlaku dalam dirinya sendiri, malah telah melibatkan kerajaan Aceh di waktu itu. Ini berlaku kerana beliau mempunyai pengaruh yang kuat di Aceh di zaman pemerintahan Sultan Iskandar Thani.

Syeikh Nuruddin dalam *Bustan al-Salatin* telah menyebutkan nama-nama para ulama yang masyhur di zaman kerajaan Aceh. Pada tahun 990H (1528M)<sup>40</sup> ulama dari Mekah yang bernama Abu al-Khair ibn

jil. 4, Jakarta: Penerbitan P.T. Intention Bar-Van Hoeve, t.t. hlm. 2306).

<sup>38</sup> Hamzah Fansuri dilahirkan di Barus atau Fansur pada akhir abad ke 16M. (T. Iskandar, "Hamzah Fansuri: Pengarang, Penyaer, Ahli Tasawwuf Abad Ke 17M", Dewan Bahasa, Februari 1965, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 54). Tarikh lahir atau tahun kelahirannya tidak diketahui dengan tepat. (al-Attas, Syed Muhammad Naquib, The Mysticism Of Hamzah Fansuri, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1970, hlm. 3).

<sup>39</sup> Nama beliau sebagaimana yang disebut oleh Syeikh Nuruddin ialah Syeikh Shamsuddin ibn Abdullah. Tarikh dan tempat lahirnya tidak diketahui. Meninggal dunia pada malam Isnin 12 Rejab 1309H. (T. Iskandar, "Shamsuddin al-Sumatrai: Tokoh Wujudiyyah", Dewan Bahasa April 1965, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 149)

<sup>40</sup> T. Iskandar, "Hamzah Fansuri: Pengarang, Penyaer, Ahli Tasawwuf Abad ke 17M", Dewan Bahasa, Februari 1965, hlm. 53.

Hajar, pengarang kitab *Saif al-Qati* (صَيْفُ الْقَاطِعِ),<sup>41</sup> dan Syeikh Muhammad Yamani telah datang ke Aceh. Mereka telah membincangkan persoalan *Aa'yan Thabitah* (أعيان الثابتة). Kemudian datang pula Syeikh Muhammad Jailani ibn Hasan ibn Muhammad Hamid al-Raniri.<sup>42</sup> Diikuti pula oleh Syeikh Muhammad Azhari pada tahun 1604M dan 1607M. Syeikh Shamsuddin ibn Abdullah al-Sumatrani telah wafat pada tahun 1039H dan diikuti oleh Syeikh Ibrahim bin Abdullah pada tahun 1040H.<sup>43</sup>

Syeikh Nuruddin tidak menceritakan tentang Hamzah Fansuri. Hal ini sangat berbeza dengan ulama yang lain yang disebut serba sedikit seperti nama dan ilmu yang diajarkan oleh mereka. Nama Samsuddin al-Sumatrani hanya dicatatkan secara sambil lalu iaitu tentang kewafatan dan kenyataan yang beliau seorang ulama besar dan banyak menulis kitab.<sup>44</sup>

<sup>41</sup> Wan Muhammad Saghir Abdullah mengatakan beliau tidak dapat mempastikan sama ada Abu al-Khair adalah anak kepada Ibn Hajar al-'Asqalani (meninggal dunia 852H) atau anak Ibn Hajar al-Haitami (meninggal dunia 974H). Di dalam bukunya yang membincangkan tentang Syeikh Daud al-Fattani disebutkan yang al-Fattani telah berjumpa dengan anak Syeikh Ibn Hajar al-Haitami. Beliau membuat kepastian ini berdasarkan jarak jauh di antara keduanya. (Wan Muhammad Saghir Abdullah, **Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara**, jil. 2, Kuala Lumpur: Khazanah Fatarriyyah, 1991, hlm. 123).

<sup>42</sup> **Bustan al-Salatin**, manuskrip 41, op. cit., hlm. 285-286.

<sup>43</sup> Ibid., hlm. 287-288.

<sup>44</sup> Ibid., hlm. 285-288.

Perkara ini dilakukan oleh Syeikh Nuruddin hanya kerana penglibatan mereka terhadap perkembangan ajaran *wujudiyyah* di Aceh.

Syeikh Nuruddin menunjukkan sikap yang sangat keras terhadap ajaran *wujudiyyah* dan para pengamalnya. Beliau telah berjaya mempengaruhi Sultan Iskandar Thani untuk membakar kitab-kitab tulisan Hamzah Fansuri dan menjatuhkan hukuman mati terhadap sebahagian pengikutnya.<sup>45</sup> Sikap Syeikh Nuruddin ini sangat berbeza dengan sikap Syeikh Abdul Rauf<sup>46</sup> yang memperlihatkan sikap toleransi terhadap ajaran-ajaran lain yang tidak dianutinya dan tidak mengecam aliran mistik yang tidak sama dengannya.<sup>47</sup>

<sup>45</sup> Taufik Abdullah, Islam Di Indonesia: Sepintas lalu Tentang Beberapa Segi, Jakarta: Tinta Emas, 1974, hlm. 126.

<sup>46</sup> Nama sebenarnya ialah Abdurrauf bin ‘Ali. Dilahirkan di Singkel yang terletak di pantai barat Aceh. Tarikh lahirnya tidak diketahui dengan tepat cuma ada kemungkinan beliau dilahirkan pada tahun 1615M. Beliau adalah pengembang tarekat *Syatariyyah* di Aceh. Kini ia dikenali sebagai Tengku Syeikh Kuala. (T. Iskandar, “Abdurrauf Singkel: Tokoh Syatariyyah (Abad ke 17M)”, Dewan Bahasa, Mei 1965, Kuala Lumpur: DBP, hm. 195.

<sup>47</sup> Ahmad Daudy, Syeikh Nuruddin al-Raniry: Sejarah Karya Dan Sanggahannya terhadap Wujudiyyah Di Aceh, hlm. 7.

Pandangan Syeikh Nuruddin dalam menolak *wujudiyyah* sangat dipengaruhi oleh al-Ghazali (450H/1055M-505H/1111M).<sup>48</sup> Tulisan dan pendapat al-Ghazali dikutip dan dimasukkan ke dalam karyanya untuk dijadikan hujah.<sup>49</sup> Namun begitu ajaran *wujudiyyah* Hamzah Fansuri tidak dapat dihapuskan sehingga ke akar umbinya. Karya Hamzah masih wujud di Aceh hingga kini. Ramai pembesar Aceh di zaman itu telah menyimpan karya Hamzah untuk dijadikan panduan hidup mereka. Malah karya-karya Hamzah telah tersebar sehingga ke Tanah Melayu dan Tanah Jawa.<sup>50</sup>

Syed Muhammad Naquib telah menganggap sanggahan Syeikh Nuruddin terhadap *wujudiyyah* adalah akibat dari kekeliruan dan ketidakfahamannya terhadap falsafah mistik yang diamalkan oleh Hamzah Fansuri.<sup>51</sup> Ahmad Daudy menyangkal dakwaan Syeikh Muhammad Naquib ini. Menurut beliau Syeikh Nuruddin telah

<sup>48</sup> Nama sebenar al-Ghazali ialah Abu Hamid bin Muhammad al-Tusi. Beliau seorang ahli teologi, ahli tasawwuf, tokoh agama, pemikir, sarjana dan reformis Islam. Lahir di Tusi, Khurasan. (Mahayuddin Haji Yahya, *op. cit.*, jil. 1, hlm. 331).

<sup>49</sup> T. Iskandar, "Hamzah Fansuri: Pengarang, Panyaer, Ahli Tasawwuf Abad ke 17M", *Dewan Bahasa* Februari 1965, hlm. 57.

<sup>50</sup> *Ibid.*, hlm. 55.

<sup>51</sup> Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, The Mysticism Of Hamzah Fansuri, hlm. 34. Lihat juga Ahmad Daudy, Allah Dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin al-Raniry, hlm. 57.

memahami dengan falsafah mistik yang diamalkan oleh Hamzah Fansuri dan mengetahui sumber ambilan serta rujukannya. Tambahan pula beliau mendengar secara langsung dari murid-murid Hamzah setiap polemik mengenai *wujudiyah*. Beliau menambah lagi, sekiranya Muhammad Naquib membaca semua karya Syeikh Nuruddin yang menghuraikan hal tersebut, pasti beliau tidak membuat tuduhan yang sebegitu rupa terhadap Syeikh Nuruddin.<sup>52</sup>

Sanggahan Syeikh Nuruddin terhadap falsafah mistik Hamzah Fansuri agak keras. Sikap dan wataknya ini mungkin dipengaruhi oleh suasana kehidupannya di India. Di India wujud pertembungan yang serius di antara umat Islam dan penganut Hindu. Di samping itu ada pula usaha untuk menyatukan kedua-dua agama ini menjadi satu agama baru. Usaha ini dilakukan oleh Sultan Moghul.<sup>53</sup> Semua ini telah membawa masyarakat kepada satu polemik yang meruncing. Umat Islam yang sangat sensitif dengan kesucian Islam, akan berusaha bersungguh-sungguh menghapuskannya. Masyarakat Islam tidak merasa tenteram dengan situasi yang berlaku. Keadaan masyarakat mempengaruhi

<sup>52</sup> Ahmad Daudy, *ibid.*, hlm 220-238.

<sup>53</sup> *Ibid.*, hlm. 44.

perkembangan jiwa dan mental ahli masyarakat itu sendiri. Inilah yang berlaku terhadap Syeikh Nuruddin.

Ahmad Daudy menambah lagi, sanggahan Syeikh Nuruddin itu adalah kewajipan yang mesti dilaksanakan sesuai dengan kedudukannya sebagai mufti yang dilantik oleh Sultan Iskandar Thani. Permasalahan yang timbul dalam masyarakat mesti diselesaikan oleh mufti.<sup>54</sup> Hujah ini ada rasionalnya. Sebagai mufti, Syeikh Nuruddin akan menghapuskan sesuatu yang mengelirukan masyarakat Islam terutama masyarakat umum yang kurang mengerti perkara-perkara yang berkaitan tasawwuf. Oleh itu untuk menjaga kesucian akidah masyarakat umum, perkara yang mengelirukan mesti dibenteras.

Walau bagaimana pun Ahmad Daudy masih mengakui sanggahan Syeikh Nuruddin terhadap falsafah mistik ini masih kurang berhasil. Dari segi konsep, tuduhannya terhadap *wujudiyyah* sebagai ajaran sesat adalah satu tuduhan yang sangat lemah. Hujah sanggahannya tidak sampai ke akar umbinya, malah sekadar memperbetulkan perkara-perkara yang dianggap sesat sahaja.<sup>55</sup>

---

<sup>54</sup> Ibid., hlm. 238.

<sup>55</sup> Ibid., hlm. 148.

iv. **Karya-karya.**

:

Telah dikatakan bahawa Syeikh Nuruddin adalah ulama yang paling banyak menulis berbanding dengan ulama lain yang sezaman dengannya. Karyanya mencakupi berbagai bidang ilmu meliputi ilmu fiqh, hadis, aqidah, tasawwuf dan sejarah. Semuanya dalam tempoh waktu yang tidak panjang. Hasil karyanya berjumlah 29 buah.

Berikut adalah senarai karyanya dan nota ringkas mengenainya;

1. *Sirat al-Mustaqim*. (صراط المستقيم - Jalan Yang Lurus)

Kitab ini adalah kitab fiqh tertua yang ditulis dalam bahasa Melayu. Muhammad Arsyad al-Banjari telah menyusun sebuah kitab yang mencantohi kitab ini dan dinamakan *Sabil al-Muhtadin* (سبيل المهتدين)

Kitab *Sirat al-Mustaqim* telah dicetak di tepi kitab *Sabil al-Muhtadin*.

2. *Bustan al-Salatin* - (بستان السلاطين - Taman Raja-raja)

Karya Syeikh Nuruddin yang terbesar.

3. *Asrar al-Insan fi Ma'rifat al-Rahman*. (أسرار الإنسان في معرفة الرحمن)

- Rahsia-Rahsia Insan Dalam Mengenal Tuhan Yang Maha Pemurah)

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Makmum (813-833M) tercusus pemberontakan golongan Alawiyyah yang dipimpin oleh Muhammad ibn Jaafar al-Sadiq.<sup>55</sup> Meskipun al-Makmum berjaya mematahkan pemberontakan ini, namun baginda telah memaafkan golongan Alawiyyah malah dianjurkan supaya mereka meninggalkan Tanah Arab dan berdakwah ke rantau lain. Dengan syor itu terbentuklah rombongan dakwah yang telah sampai di Perlak pada tahun 800M. Ketika itu Perlak berada di bawah pemerintahan Meurah Sharh Nuwi daripada keturunan Parsi. Salah seorang daripada anggota pendakwah bernama Ali bin Muhammad ibn Jaafar al-Sadiq telah dinikahkan dengan Puteri Makhdum Tanshuri.<sup>56</sup>

Faktor lain ialah Islam adalah agama untuk seluruh umat manusia. Setiap umat Islam mesti berusaha menyampaikan risalah Islamiyah ke seluruh pelusuk dunia. Oleh itu didapati para khalifah telah berusaha mengembangkan dakwah ke seluruh pelusuk dunia. Muawiyah pernah mempunyai misi dakwah ke alam Melayu. Pada tahun 674M, beliau telah

<sup>54</sup> Sirajuddin Abbas, Sejarah Dan Keagungan Mazhab Shafi'i, Jakarta: Pustaka Tarbiyah, hlm. 218.

<sup>55</sup> Ahmad Shalaby, Sejarah Dan Kebudayaan Islam, jil. 3, ter. Singapura: Pustaka Nasional, 1982, hlm. 14

<sup>56</sup> Ali Hasjmy (ed.), Sejarah Masuk Dan Perkembangan Islam di Indonesia, Bandung: P.T. al-Ma'arif, 181, hlm 157-158.

Ditulis di atas perintah Sultan Iskandar Thani dan selesai pada zaman pemerintahan Ratu Safiatuddin. Kitab ini adalah kitab tasawwuf yang membincangkan sifat dan hakikat manusia serta hubungannya dengan Allah.

4. *Hujjat al-Siddiq li-Daf'i al-Zindiq* - حجۃ الصدیق لدفع الزندق (Hujah

Orang Yang Benar Untuk Menolak Golongan Zindiq).

Kitab akidah yang menghuraikan berbagai pendapat tentang wujud. Juga menolak fahaman *wujudiyyah*.

5. *Tibyan fi Ma'rifat al-Adyan* - تبیان فی معرفة الاديان (Penerangan

Untuk Mengenal Berbagai Agama).

Ditulis dalam bahasa Melayu bagi memenuhi permintaan Ratu Tajul 'Alam Safiatuddin. Pengantar kitab ini memaparkan perdebatan yang berlaku dengan pengamal *wujudiyyah* yang berlaku di hadapan Sultan Iskandar Thani di mana ulama telah mengeluarkan fatwa bahawa mereka adalah kafir yang halal dibunuh.

6. *Hil al-Zil* ( حل الظل )

Kitab ini ditulis di atas permintaan sahabat Syeikh Nuruddin untuk menolak fahaman *wujudiyyah*.

7. *Shifa' al-Qulub*. شفاء القلوب (Kesihatan Hati).

Menjelaskan perkara yang berkaitan dengan akidah yang membincangkan tentang dua kalimah syahadah dan cara-cara berzikir.

8. *Jawahir al-'Ulum li Kasyf al-Ma'lum*. (جواهر العلوم لكشف المعلوم)

Ditulis dalam bahasa Melayu pada tahun 1053H (1642M). Kitab yang terakhir ditulis menjelang kepulangannya ke India. Perbincangannya adalah mengenai falsafah mistik yang diamalkan oleh Syeikh Nuruddin.

9. *Fath al-Mubin 'ala al-Mulkhidin*. (فتح المعين على الملحدين)

Ditulis pada 1068H setelah Syeikh Nuruddin kembali ke India. Setelah selesai ditulis ia telah mengirimkannya ke Nusantara kerana kitab ini bertujuan menolak golongan *wujudiyyah*.<sup>56</sup>

10. *Durrat al-Fara'id bi Syarkh al-'Aqaid* (درة الفرائض بشرح العقائد)

- Permata Berharga Tentang Huraian Akidah).

Kitab yang ditulis dalam bahasa Melayu ini adalah saduran dari kitab *Syarhu al'Aqaid al-Nasafiyyat* ( شرح العقائد النسافية ) karangan Imam Sa'duddin al-Taftazani. Syeikh Nuruddin tidak hanya menyadur malah banyak hal-hal lain yang berkaitan dengan akidah dimasukkan ke dalamnya. Kitab ini ditulis sebelum tahun 1045h(1635M)

<sup>56</sup>

Liaw Yock Fong, Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik, jil. 2, 1993, Jakarta: Penerbitan Erlangga, hlm. 50-60.

11. *Hidayat al-Habib fi al-Targhib wa al-Tarhib* (الترغيب والترهيب)

؛

- هداية الحبيب petunjuk Kekasih Dalam Hal Yang Mengembirakan Dan Menakutkan).

Kitab ini ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab pada tahun 1045H (1635M) dan mengandungi 831 hadis. Kitab ini dan kitab *Durrat al-Fara'id Bi Syarkh al-'Aqaid* (الفرائض بشرح العقائد) ditulis di Semenanjung Tanah Malaya dan dibawa ke Aceh di zaman pemerintahan Sultan Iskandar Thani.

12. *Nubzat fi Da'wa al-Zil Ma'a Sahibihi*

- نبذة في الدعوى القلل مع صاحبه Huraian Ringkas Tentang Bayang-Bayang Dengan Tuannya)

Ditulis dalam bahasa Arab. Membincangkan kesesatan ajaran *wujudiyyah* yang dipaparkan dalam bentuk soal jawab.

13. *Lataif al-'Asrar* - لطائف الأسرار (Kehalusan Rahsia-Rahsia)

Kitab ini adalah sebuah kitab tasawwuf.

14. *Akhbar al-Akhira fi Ahwal al-Qiyamah* - أخبار الآخرة في أحوال القيمة Berita-Berita Akhirat Tentang Hal Ehwal Qiamat).

Ditulis di atas perintah Ratu Tajul 'Alam Sufiatussaudin. Mengandungi perbincangan tentang nur Muhammad, syurga, neraka, peristiwa kiamat, kejadian Nabi Adam dan lain-lain.

**15. *Ma'al-Hayah li Ahli al-Mamat* (ماء الحياة لأهل الممات)**

- Air Kehidupan Bagi Orang-Orang Yang Mati).

Ditulis dalam bahasa Melayu di atas permintaan Ratu Tajul 'Alam Sufiatussaudin. Mengandungi sanggahan terhadap *wujuddiyah*.

**16. *Aina al 'Alam qabla An Yukhlaq* (أين العالم قبل أن يحلق)**

- Di manakah Alam Sebelum Ia Dijadikan)

Ditulis dalam bahasa Melayu. Syeikh Nuruddin tidak memberikan tajuk kepada kitab ini. Tajuk ini diberikan oleh Ahmad Daudy.

**17. *al-Lam'an Fi Takfir Man Qala Bi Khalq al-Qur'an***

(اللunan في التكبير من قال بخلق القرآن - Cahaya Terang Untuk Mengkafirkan Orang yang Berkata Quran Itu Makhluk)

Ditulis dalam bahasa Arab sebagai satu risalah yang menjawab pertanyaan Sultan Banten Abu al-Mufakhir Abdul Qadir al-'Ali. Isinya mengandungi sanggahan terhadap ajaran Hamzah Fansuri yang mengatakan al-Quran itu makhluk.

18. *Shawarim al-Siddiq li Qat'i al-Zindiq* - شوارم الصديق لقطع الزنديق (Pedang Orang-Orang Yang Saleh Untuk Memotong kaum Zindiq).

Ditulis untuk membantah ajaran *wujudiyah*.

19. *Rahiq al-Muhammadiyyat Fi tariqi al-Sufiyyat*

- رحیق المحمدیۃ فی الطریق الصنفیة (Minuman Umat Muhammad pada Jalan Orang Sufi).

Sebuah kitab tasawwuf yang belum selesai dan merupakan kitab yang terakhir ditulis oleh Syeikh Nuruddin di India sebelum beliau meninggal dunia.

20. *Bad'u Khalq al-Samawat wa al-Ard*

( بدء خلق السماوات والارض ) - Permulaan Penciptaan Langit Dan Bumi).

Kitab ini adalah petikan bab pertama *Bustan al-Salatin* yang ditulis dengan nama yang tersendiri.

21. *Kaifiyyat al-Salat* ( كيفيات الصلاة ) - Cara-Cara Sembahyang).

Kitab ini adalah petikan dari kitab *Sirat al-Mustaqim*. Kerana bab ini penting maka ia ditulis dalam bentuk sebuah kitab yang tersendiri.

22. *Hidayat al-Iman bi Fadl al-Manan*

( هداية الاعمال بفضل المنان ) - Bimbingan Iman Dengan Kurnia Tuhan).

Ditulis dalam bahasa Melayu. Isi kandunganya adalah tentang pengertian agama yang terdiri dari iman, Islam, ma'rifah dan tauhid.

23. *'Alaqat Allah bi al-'Alam* (علاقة الله بالعالَم) - Hubungan Allah Dengan Alam)

Kitab ini adalah terjemahan bahasa Arab dari sebuah kitab Parsi yang dikarang oleh Syeikh Muhammad bin Fadlillah al-Burhanpuri. Isinya memaparkan tentang hubungan alam dengan Allah menurut pandangan sufi. Syeikh Nuruddin tidak memberikan judul buku ini dan judul ini diberikan oleh Ahmad Daudy.

24. *'Aqaid al-Sufiyyat al-Muwahhidin* (عقائد الصفيّة المُوحِّدين)

- 'Aqidah Ahli Sufi Yang Mengesakan Allah)

Kitab ini ditulis dalam bahasa Arab dan tidak diberikan judul. Isinya membincangkan tentang akidah dan pengalaman ahli sufi sewaktu berzikir dengan kalimah tauhid *lailaha illallah* ( لا إله إلا الله )

Selain dari kitab-kitab di atas terdapat 5 buah kitab yang disebut oleh Syeikh Nuruddin dalam kitabnya *al-Fath al-'Mubin* iaitu;

25. *al-Fath al-Wadud fi Bayan Wahdat al-Wujud*.  
 ( الفتح الودود في بيان وحدة الوجود )

**26. 'Ain al-Jawad Fi Bayan Wahdat al-Wujud**

(عين الحواد في بيان وحدة الوجود )

**27. Awdah al-Sabil wa al-Dalil Laisa Li Abatil al-Mulhidin Ta'wil**

(عودة السبيل والدليل ليس لإبطال الملحدين تأويل )

**28. Awdahu al-sabil Laisa li Kalami al-Mulhidin Ta'wil.**

(عودة السبيل ليس لكلام الملحدين تأويل )

**29. Shazaru al-Mazid<sup>57</sup>** ( شزر المزید )

## PENUTUP.

Sememangnya Bukhari al-Jauhari dan Syeikh Nuruddin adalah 2 orang pengarang kitab teks Melayu lama yang masyhur. Kedua-dua sering dihubungkaitkan dalam sesuatu perbincangan kerana masing-masing mengarang kitab ketatanegaraan Islam dan isi kandungannya pula hampir sama.

<sup>57</sup>

Liaw Yock Fong, ibid., hlm. 50-60. Lihat juga juga Ahmad Daudy, Allah dan Manusia Menurut Konsepsi Syeikh Nuruddin al-Raniry, hlm. 48-57.

Meskipun sama-sama masyhur, keperibadian Bukhari al-Jauhari tidak begitu menonjol sebagaimana Syeikh Nuruddin. Maklumat tentang diri Syeikh Nuruddin lebih lengkap berbanding dengan Bukhari. Ini mungkin kerana Bukhari hanya mengarang sebuah kitab sahaja berbanding Syeikh Nuruddin yang menulis 29 buah kitab. Oleh itu wajarlah Syeikh Nuruddin lebih dikenali di kalangan pengkaji kerana banyak kitab-kitabnya yang boleh diselidiki. Tambahan pula kebolehannya dalam bidang penulisan agak mengagumkan di mana beliau berjaya mengarang sejumlah besar kitab dalam jangka waktu yang relatifnya singkat.

Syeikh Nuruddin bukanlah pengarang teks manuskrip Melayu lama yang berbangsa Melayu tetapi beliau berasal dari Gujerat dan berketurunan Arab. Penguasaan bahasa Melayunya sangat bagus sehingga berjaya menulis banyak kitab-kitab dalam bahasa Melayu. Bukhari pula lebih diyakini sebagai penulis berbangsa Melayu. Ini berdasarkan namanya al-Jauhari yang juga boleh dibaca dengan *Johori* yang bererti orang Johor.

Pada bab ketiga, penulis akan memperkenalkan *Kitab Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*. Pandangan para pengkaji kitab-kitab ini

akan dipaparkan untuk memperlihatkan dengan jelas keistimewaan setiap teks. Sinopsis kedua-dua teks yang terdapat di bab 3 akan memberi gambaran umum tentang isi kandungan teks.